



**PERBADANAN LABUAN**  
**PETI SURAT 81245**  
**87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

**Warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan, dipelawa untuk memohon jawatan di Perbadanan Labuan seperti berikut:-

<b>1.0</b>	<b>JAWATAN</b>	:	<b>PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT</b>		
	<b>GREED</b>	:	F9		
	<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL		
	<b>TARAF JAWATAN</b>	:	KONTRAK (INTERIM) <b>Tiga (3) tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuat kuasa</b>		
	<b>BILANGAN KEKOSONGAN</b>	:	1		
	<b>JADUAL GAJI</b>	:			
			Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
			RM 2,250.00	RM 11,110.00	RM 225.00
<b>2.0</b>	<b>SYARAT LANTIKAN</b>				

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
  - i. Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan dalam bidang Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Ged F9 : RM2,580.00 ) ; atau
  - ii. Ijazah Sarjana dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred F9 : RM3,020.00) ; atau
  - iii. Ijazah kedoktoran dalam bidang Sains Komputer, Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Komputer atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Grd F9: RM3,350.00)

### 3.0 SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### 4.0 DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab mengkaji dan menganalisis keperluan teknologi maklumat, merancang dan mereka bentuk sistem, merancang pembangunan infrastruktur teknologi maklumat, merancang pengurusan data dan analitik, menguruskan keselamatan IT, menguruskan keselamatan IT, menguruskan projek IT dan pematuhan undang-undang serta menyelia keperluan reka bentuk yang berkaitan dengan pembangunan bandar pintar.

### 5.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- i. Borang permohonan dan maklumat jawatan kosong boleh didapati melalui Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my);
- ii. **Borang permohonan yang lengkap diisi hendaklah disertakan seperti berikut:**
  - a. **Sekeping gambar (ukuran passport) terkini;**
  - b. **Salinan kad pengenalan (berwarna) pemohon dan Iubapa;**
  - c. **Sijil lahir pemohon dan Iubapa;**
  - d. **Sijil-sijil persekolahan dan kelulusan akademik; (SPM & IJAZAH)**
  - e. **Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Sijil / Diploma / IJAZAH Daripada MQA Atau MQR**
  - f. **Sijil berhenti sekolah;**
  - g. **Sijil Digital Lengkap Vaksinasi COVID-19 dan**
  - h. **Sijil kegiatan luar dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan.**
    - **semua salinan dokumen yang dinyatakan di atas perlulah dikemukakan dalam keadaan yang JELAS dan perlu disahkan dari salinan asal oleh Pegawai Kerajaan Gred 9 dan ke atas atau pegawai di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Pendidikan untuk sijil-sijil berkaitan.**
    - **Kegagalan mengemukakan salinan dokumen, atau tidak mengisi data dengan lengkap di borang permohonan boleh menyebabkan permohonan tidak disenarai pendek.**
- iii. Pemohon hendaklah bebas daripada **apa-apa rekod jenayah**, tidak menggunakan atau **mengambil apa-apa dadah berbahaya** serta tiada masalah penyakit kronik yang boleh menjejaskan prestasi kerja;
- iv. Permohonan yang **lewat, tidak lengkap seperti yang dinyatakan di para (ii) dan (iii) di atas atau tidak mengikut syarat-syarat** tersebut akan ditolak; dan
- v. Pihak Perbadanan Labuan tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan temu duga dan penghantaran borang permohonan jawatan.

## PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP IKLAN

---

Permohonan hendaklah sampai kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
PERBADANAN LABUAN  
WISMA PERBADANAN LABUAN  
TINGKAT BAWAH BLOK A  
PETI SURAT 81245  
87022 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN  
(U.P: JABATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

Bil. Fail Rujukan : PL/PSM/500-9/3  
No. Talian Perhubungan : 087 – 581819, 581809, 581815  
Sebelum atau pada : **30 APRIL 2026**

---

### CATITAN

---

1. Hanya calon yang disenarai pendek akan dijemput hadir ke sesi temu duga.
2. Sekiranya pemohon yang tidak menerima panggilan untuk sesi temu duga selepas enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
3. Sekiranya pemohon yang dijemput hadir temu duga tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan daripada tarikh temu duga diadakan, permohonan mereka adalah tidak berjaya.
4. Perbadanan Labuan boleh melanjutkan tempoh validasi borang permohonan sehingga tempoh yang ditetapkan.